



GAMBAR fail bertariikh 7 Mac 2022 menunjukkan banjir kilat yang melanda sekitar Jalan Melaka di pusat bandar Kuala Lumpur akibat hujan lebat yang berterusan.

Projek terowong simpan air bawah tanah atasi banjir

(22 Julai 2022) KORMO, PG
KUALA LUMPUR – Bagi mengatasi isu banjir kilat di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus mempertahankan cadangan projek pembinaan terowong penyimpanan air bawah tanah berskala besar sebelum ini.

Menterinya, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, langkah itu satu kaedah penyelesaian jangka panjang selain usaha-usaha mitigasi lain melibatkan jangka pendek dan sederhana yang sedang dilaksanakan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Ketika ini DBKL sedang melantik perunding bagi melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan membina terowong simpanan air bawah tanah seperti di beberapa bandar besar antaranya Jepun dan Amsterdam, Belanda.

“Bagi projek jangka panjang, kita akan bina kolam takungan bawah tanah, makna bawah tanah ini ialah bukan bawah bangunan tetapi bawah sungai atau jalan raya.

“Limpahan air akan disimpan di sana buat sementara waktu, selepas air sungai surut, air

tersebut akan dikeluarkan,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Tiong King Sing (**GPS-Bintulu**) yang ingin tahu kewajaran pembinaan terowong bawah tanah sekiranya penyelenggaraan sistem perparitan tidak dibuat.

Ketika menjawab pertanyaan Datuk Xavier Jayakumar (**Bebas-Kuala Langat**) yang ingin tahu projek-projek jangka pendek dan panjang yang dirancang untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur dan jumlah peruntukan disediakan.

Ujarnya, DBKL memperuntukkan sekurang-kurangnya RM2.5 billion bagi menjalankan projek mitigasi iaitu melibatkan RM160 juta untuk jangka pendek; RM345 juta (sederhana) dan RM2 bilion (jangka panjang).

“Untuk jangka pendek, projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan DBKL termasuk menaik taraf sistem saliran terutama di kawasan *hotspot* banjir, memasang *flap gate* di parit induk yang disalur ke sungai dan membina tembok penahan banjir,” ujar Shahidan.